



PARLIMEN MALAYSIA



JAWATANKUASA

JAWATANKUASA PEMILIH DEWAN RAKYAT

DR. 2 1991

**PENYATA KHAS JAWATANKUASA PEMILIH DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN
MENURUT PERATURAN MESYUARAT 86(3) UNTUK DIBENTANGKAN DIATAS MEJA
MESYUARAT**

DEWAN RAKYAT PARLIMEN KELAPAN PENGGAL PERTAMA

MALAYSIA

DR. 2 TAHUN 1991

DIPERINTAH OLEH DEWAN RAKYAT UNTUK DICETAK - 11HB. JULAI, 1991



**PENYATA KHAS JAWATANKUASA PEMILIH DEWAN RAKYAT
YANG KELAPAN MENURUT PERATURAN MESYUARAT
86(3) UNTUK DIBENTANG DI ATAS MEJA
MESYUARAT**

Dikemukakan oleh

**YANG BERHORMAT TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
PMN., SPMK., DSDK., JMN., TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT
(PENGURUSI)**

JAWATANKUASA PEMILIH

Pada 5hb Disember 1990, Dewan Rakyat telah meluluskan satu Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman dan disokong oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, seperti berikut:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 76 Dewan ini melantik sebuah Jawatankuasa Pemilihan bagi tempoh Parlimen Yang Kelapan yang mengandungi seorang Pengerusi dan enam orang Ahli Jawatankuasa seperti berikut:

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang akan menjadi Pengerusi mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 76(2);
2. Yang Amat Berhormat Tuan Abdul Ghafar bin Baba;
3. Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik;
4. Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu;
5. Yang Berhormat Datuk Leo Moggie anak Irok;
6. Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Sakaran bin Dandai; dan
7. Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEMILIH YANG
TELAH DIADAKAN PADA PUKUL 11.30 PAGI, 11TH. JULAI, 1991**

YANG HADIR

Yang Berhormat Tuan yang di-Pertua Dewan Rakyat [Pengerusi]

Yang Amat Berhormat Tuan Abdul Ghafar bin baba

Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik

Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Sakaran bin Dandai.

YANG TIDAK HADIR

Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu (Dengan Maaf)

Yang Berhormat Datuk Leo Moggie anak Irok (Dengan Maaf)

Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang (Dengan Maaf)

YANG HADIR BERSAMA

Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman [Setiausaha Dewan Rakyat]

Tuan Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid [Penolong Setiausaha]

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

1. Pengerusi mengucapkan terima kasih atas kehadiran Ahli-ahli Jawatankuasa dan seterusnya menyatakan iaitu tujuan dipanggil mesyuarat hari ini ialah untuk mengganti dua orang Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara yang telah menarik diri iaitu Y.B. Datuk Amar James Wong Kim Min (Bintulu) dan Y.B. Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang (Marang).
2. Jawatankuasa Pemilih bersetuju melantik Yang Berhormat Ahli-ahli yang berikut sebagai ganti:
 - (i) **Y.B. Tuan Michael Gor Kaya @ Michael Lisa Kaya (Bukit Mas)** untuk menggantikan Y.B. Datuk Amar James Wong Kim Min (Bintulu); dan
 - (ii) **Y.B. Tuan Buniyamin bin Yaakob (Bachok)** untuk menggantikan Y.B. Tuan Haji Abdul Hadi Awang (Marang).
3. Mesyuarat ditangguhkan jam 11.33 pagi.



.....
TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN TAKYAT/
PENGURUSI JAWATANKUASA PEMILIH.

/fh.